

Melaka Boys gah

Kuala Lumpur: Pasukan Melaka Boys muncul juara edisi kedua kejohanan Hoki Lima Sebelah Universiti Putra Malaysia di Stadium Kementerian Pendidikan Lembah Pantai, semalam.

Mereka menewaskan Klang Star A 3-1 tatkala kategori wanita dijuarai Sekolah Sukan Kuala Lumpur A yang menewaskan Convent Bukit Nenas 4-1.

Sementara itu, Mohd Izham dari pasukan Akademi Hoki Pahang muncul penjaring terbanyak kategori lelaki dan untuk kategori wanita, ia disandang Asidah Nawar dari Sekolah Sukan Kuala Lumpur A.

Sebanyak 24 pasukan mengambil bahagian untuk kedua-dua kategori bawah 16 tahun ini yang dianjurkan Akademi Sukan UPM dan disokong oleh Milo, Sport Unite dan Persatuan Hoki Selangor.